

Lapor jika ada peniaga 'ali baba' tapak bazar Ramadan

KUALA LUMPUR – Mana-mana pihak atau individu yang mempunyai maklumat mengenai tindakan peniaga yang melakukan amalan 'ali baba' tapak bazar Ramadan diminta membuat laporan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atau polis.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa berkata, bu-

kan sahaja peniaga yang menyewakan lesen akan dikenakan tindakan, malah individu yang menerima lesen tersebut turut berdepan hukuman sama.

"DBKL mempunyai pasukan KL Strike Force yang beroperasi dengan kerjasama agensi penguatkuasaan lain bagi memastikan pemantauan dan tindakan yang lebih berkesan.

"Kita akan batalkan dan senarai hitamkan mereka, amaran keras ini diberikan kerana kali ini kita mahu pelaksanaan bazar Ramadan betul-betul berjaya," katanya dalam satu taklimat Ramadan di sini semalam.

Menurutnya, DBKL juga akan memperketat kawalan di 42 lokasi bazar Ramadan di ibu negara sepanjang bulan puasa bagi memastikan kelancaran serta ke-

selamatan pengunjung.

Katanya, pemantauan akan dijalankan sebelum, semasa dan juga selepas operasi bazar berakhir.

"Kawalan ketat ini bertujuan mengelakkan pelanggaran syarat oleh para peniaga, termasuk penggunaan warga asing dalam urusan perniagaan serta aktiviti perniagaan tanpa lesen.

"Mereka yang ingkar bakal

berdepan kompaun maksimum RM2,000, malah peniaga yang menggunakan warga asing akan dikenakan pemotongan cagaran 100 peratus sebagai langka tegas DBKL," katanya.

Menurutnya, pihak berkuasa juga akan memastikan tiada pengemis berkeliaran di sekitar bazar Ramadan bagi menjamin keselesaan dan keselamatan orang ramai.